

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]
TARIKH : 2 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah cukai produk petroleum yang dituntut oleh Kerajaan Sarawak. Nyatakan jumlah yang dibayar pada tahun 2020 dan 2021.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Sarawak telah menguatkuasakan pengenaan cukai jualan 5 peratus mulai 1 Januari 2019 ke atas produk petroleum, seperti minyak mentah petroleum, gas cecair asli, *gas oil*, kerosen dan kondensat.

Bagi tahun 2020, PETRONAS telah membayar cukai jualan produk petroleum kepada Kerajaan Sarawak berjumlah 4.97 bilion ringgit, iaitu termasuk cukai jualan yang tertunggak bagi tahun 2019. Bagi tujuh bulan pertama 2021 pula, PETRONAS telah membayar cukai jualan yang sama sebanyak 1.38 bilion ringgit.

Oleh itu, jumlah keseluruhan cukai jualan produk petroleum yang telah dibayar oleh PETRONAS kepada Kerajaan Sarawak setakat ini adalah berjumlah 6.35 bilion ringgit.

Sekian, terima kasih.